

# **Budaya Bergendang dalam Masyarakat Melayu Sarawak : Pembicaraan daripada Perspektif Etnomuzikologi Melayu**

Oleh  
Shantrol Bin Abdullah

## **Awal Bicara**

Pembicaraan tentang budaya bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak banyak dilakukan oleh pengkaji budaya yang ingin melihat kelestarian budaya tersebut dalam masyarakat Melayu Sarawak. Menulis tentang budaya bergendang ini merupakan rahmat bagi saya kerana walaupun budaya bergendang ini sekadar sebuah persembahan muzikal biasa jika dilihat secara kasarnya, namun andai penelitian kita diturunkan melalui pelbagai perspektif penelitian ia akan memberi pelbagai wahana yang dipaparkan oleh persembahan tersebut. Kebetulannya sewaktu membuat disertasi sarjana saya dulu bidang etnomuzikologi ini menjadi pegangan saya, dan melalui kajian tersebut budaya bergendang ini merupakan salah satu khazanah **Kebudayaan Agung** yang dimiliki oleh masyarakat Melayu Sarawak sejak sekian lamanya.


Sehubungan itu, makalah ini cuba untuk membicarakan tentang persembahan bergendang ini dari perspektif etnomuzikologi khususnya dalam perubahan-perubahan yang berlaku dalam persembahan bergendang itu dalam masyarakat Melayu Sarawak secara ringkas sahaja. Di samping itu juga, dibicarakan tentang persembahan dalam upacara bergendang dan menyentuh sedikit tentang gendang itu sendiri yang menjadi asas kepada budaya bergendang ini. Seawalnya mungkin makalah ini tidak mampu untuk membicarakan secara khusus tentang perubahan-perubahan tersebut namun saya berharap agar ada lagi penulisan-penulisan yang akan datang khususnya dalam pandangan etnomuzikologi ini membicarakan dengan lebih teliti tentang persembahan bergendang ini agar **Kebudayaan Agung** masyarakat Melayu Sarawak ini akan terus dikaji dan dibicarakan agar nilai keseniannya bukan sahaja terus dipersembahkan dalam bentuk persembahan malah ia akan menjadi perbincangan intelektual dalam kalangan masyarakat yang ingin melihat kebudayaan ini terus berakar dan subur dalam kalangan masyarakat maya jagat ini.

## **Selayang pandang tentang muzik tradisi dan budaya rakyat**

Dalam masyarakat Melayu Sarawak aspek seni muziknya merupakan antara cabang kebudayaan yang begitu menonjol dan masih bertahan sehingga ke hari ini. Justeru dalam membicarakan Bidang etnomuzikologi yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah fungsi muzik dalam sesebuah masyarakat yang menekankan kepada muzik sebagai tradisi yang hidup dalam masyarakat dan juga yang menyentuh aspek-aspek budaya untuk kesempurnaan dan pengisi ruang dalam sesebuah masyarakat. Justeru penelitian yang lebih mendalam dan luas tentang budaya bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak harus dilakukan secara terperinci dan harus dilakukan dengan kajian lapangan agar nilai seni dan budaya yang mendukung dalam persembahan gendang Melayu Sarawak ini dapat ditonjolkan kepada khalayak serta dapat didokumentasikan untuk rujukan dan tatapan generasi akan datang.

Budaya bergendang dalam kalangan masyarakat Sarawak yang wujud bermula sejak sekian lama dan tidak mustahil kehadiran irama gendang ini hadir seiring dengan kehadiran agama Islam yang banyak membawa unsur-unsur kebudayaannya di negeri ini. Ini kerana persembahan gendang Melayu Sarawak ini merupakan suatu budaya yang bukan sekadar di dokong oleh instrumen muzikalnya sahaja tetapi ia juga lahir daripada ekspresi pemikiran dan budaya oleh masyarakat Melayunya. Jika diteliti daripada sudut pandang BMS Bidang etnomuzikologi misalnya yang telah dipelopori oleh para pengkaji-pengkaji Barat sekitar tahun 1880-an khususnya oleh Curt Sach dan Erich Von Hornbostel kini semakin di gunakan secara meluas dalam kalangan ahli etnomuzikologi. Justeru dalam penelitian tentang budaya bergendang ini pendekatan etnomuzikologi ini sesuai digunakan untuk meneliti budaya bergendang ini agar segala lembaran kebudayaan, pemikirannya dapat diterjemahkan sebagai paparan kepada khalayak. Dalam memperkatakan kajian-kajian yang menggunakan kerangka etnomuzikologi ini, Peter Matusky ( 1993 ) dalam tulisan yang bertajuk “ *Malaysian shadow play and music* “ menyatakan bahawa bidang-bidang etnomuzikologi ini telah membentuk satu teori untuk sistem muzik yang dahulunya hanya wujud sebagai tradisi lisan. Beliau melihat kaitan di antara muzik dan pergerakan patung-patung yang di analisa sebagai fenomena analogus.

Beliau mengatakan bahawa sesetengah pergerakan yang biasanya dijumpai ( seperti perjalanan watak-watak halus, pergerakan semasa peperangan dan perarakan patung-patung hulubalang ) diiringi oleh lagu-lagu dan bunyian muzik-muzik tertentu. Manakala dalam kajian yang dilakukan oleh Roseman pula yang bertajuk *Healing sounds from the Malaysian reinfores* ( 1991 ), beliau menggunakan teori persembahan antropologi perubatan dan etnomuzikologi untuk mengkaji sistem muzik masyarakat tanpa menggunakan sistem penulisan sendiri. Beliau menyelidiki peranan muzik dan nyanyian dalam upacara mengubati penyakit- penyakit tertentu. Sehubungan dengan itu, untuk para penyelidik yang ingin mengkaji Gendang Melayu Sarawak ini berdasarkan kepada bidang etnomuzikologi berikut dihuraikan beberapa panduan untuk digarapkan bersama.



Etnomuzikologi secara fakta dan kerangka teoretikalnya adalah satu cabang yang mengejar maklumat mengenai muzik dari sudut dan analisis makmal, struktur muzik dan latar belakang budaya sesebuah komuniti, perbandingan umum dan khusus yang berkaitan dengan pembentukan kedwimuzikalan kajian sinkronik dan diakronik. Justeru dalam kajian etnomuzikologi ini semua perkara yang dinyatakan adalah mempunyai makna. Walaupun etnomuzikologi merupakan bidang yang baru di Malaysia namun teori-teori yang dibina adalah telah lama digunakan secara sedar ataupun tidak dalam kalangan para etnomuzikologi tempatan khususnya bagaimana muzik dapat mengubati penyakit-penyakit dalam kalangan masyarakat Temiar yang pada asasnya juga berkait rapat dengan penggunaan gendang dan disandarkan juga dengan elemen-elemen seperti upacara tarian dan pantun seperti halnya juga dengan aspek yang ada dalam persembahan gendang Melayu Sarawak.

Di samping itu juga, Tan Sooi Beng dalam bukunya yang bertajuk *A sosial and stylistic history of popular Malay opera* ( 1993 ) cuba melihat perkembangan sejarah bangsawan dan mengaitkannya dengan perubahan politik dan sosial dalam persembahan bangsawan Melayu. Ia menunjukkan kaitan antara bentuk muzik teater dan budaya baru yang muncul sebagai tindak balas kepada perubahan sosial , politik dan ekonomi yang pesat akibat perluasan kuasa Inggeris di Tanah Melayu semasa akhir abad ke-19. Penyelidikan lain tentang muzik serta kaitannya dengan tarian seperti dalam persembahan gendang Melayu Sarawak khususnya yang berkait dengan etnomuzikologi ini termasuk juga tulisan yang berjudul *Zapin folk dance of the Malay world* oleh Mohd Nor ( 1993 ), dan *Panggung semar : essays on traditional Malay theater* oleh Ghulam Sawar juga merupakan antara kajian yang banyak menyentuh tentang skop kajian yang berkait dengan teori etnomuzikologi ini yang juga boleh diguna pakai dalam menyelidiki kajian terhadap persembahan gendang Melayu Sarawak. Sementara itu antara tulisan lain yang juga banyak menyentuh tentang skop kajian etnomuzikologi Melayu khususnya tentang budaya bergendang dalam masyarakat Melayu juga dibicarakan dan diolah oleh beberapa ahli etnomuzikologi yang lain seperti Mohd Taib Osman, Mohd Ghouse Nasaruddin, Patricia Matusky, Ku Zam Zam Ku Idris, Aziz Derahman, Tan Sooi Beng, Wan Abdul Kadir, Siti Zainon Ismail, Mubin Sheppard, dan beberapa pengkaji yang lain.

Menurut Edward B. Taylor ( 1871 ) beliau telah mentakrifkan budaya sebagai satu keseluruhan yang kompleks yang mengandungi pengetahuan ( ilmu ), kepercayaan, kesenian, akhlak, undang-undang, adat dan kebolehan serta tabiat ( perlakuan ) lain yang diperoleh manusia sebagai anggota masyarakat. Konsep atau takrifan yang dikemukakan oleh Tylor ( 1871 ) tersebut adalah berdasar kepada perlakuan kelompok. Perlakuan kelompok itulah yang mempamerkan apa yang dikategorikan sebagai ilmu, kepercayaan, kesenian, akhlak, undang-undang, adat, sistem politik, ekonomi, perkahwinan dan kekeluargaan. Ringkasnya apa yang dimaksudkan budaya itu ialah gambaran yang dapat dilihat pada perlakuan dalam sesebuah kelompok masyarakat. Dalam perbicaraan ini penulis telah melakukan kerja-kerja di lapangan dan dengan menggunakan kaedah pemerhatian di tempat kajian. Hal ini harus dilakukan kerana untuk meneliti kajian yang berbentuk budaya penulis harus ikut serta dalam kelompok tersebut untuk melihat dengan sendirinya upacara bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak ini dilangsungkan.

Sehubungan dengan itu , menyentuh tentang muzik tradisi pula ia merupakan suatu sistem yang terdiri daripada banyak subsistem yang bekerjasama bagi mewujudkan sesuatu keseluruhan muzik. Bahagian-bahagian atau subsistem asas bagi muzik ialah bentuk, polifoni, rentak, nada, melodi, skala dan peralatan. Muzik tradisi juga merupakan suatu fenomena universal yang merupakan sebahagian daripada keperluan kehidupan manusia dan dapat pula menentukan identiti sesuatu masyarakat yang mendukungnya kerana ia merupakan pernyataan budaya ( *cultural expression* ) dalam masyarakat tersebut ( Theodore W. Adorno : 1976 )<sup>1</sup>. Muzik kadang-kalanya sering dianggap oleh sesebuah komuniti berperanan untuk menyerikan sesuatu majlis sama ada yang berbentuk keramaian ataupun spritual.

Sebagaimana juga elemen lain yang melengkapi kehidupan manusia khususnya yang wujud dalam masyarakat Melayu dan kaum bumiputera lain di Sarawak seperti yang berbentuk mainan, muzik juga berfungsi untuk memberi hiburan, keseronokan, memberi ketenangan jiwa, mengurangkan ketegangan

---

<sup>1</sup> Keterangan lanjut tentang hubungan muzik dan masyarakat rujuk bukunya yang bertajuk *Introduction to the sociology of music*, 1976 New York.

perasaan, menaikkan semangat dan sebagainya. Selain itu juga muzik merupakan saluran yang berkesan bagi menanam semangat nasionalisme ( lagu-lagu patriot ), nilai-nilai keagamaan ( lagu nasyid )<sup>2</sup> dan moral, ideologi, propaganda dan dapat menyaranakan unsur-unsur pengajaran. Selain itu juga sifat ekspresif muzik juga dapat mencerminkan komuniti yang melahirkan. Ia melibatkan perasaan, emosi, pemikiran, pencipta dan pendengar. Selain itu unsur-unsur eskapisme yang lain dalam muzik juga dapat meleraikan fikiran dan perasaan pendengar daripada kenyataan. Umpamanya sekiranya seseorang itu mendengar muzik yang memuji keagungan tuhan ia akan terus mempengaruhi emosi pendengar dan turut sama memuji dengan pengucapan dan adan kalanya diluahkan dengan tindakan. Walaupun ada kalanya elemen sebegini mendapat tentangan daripada ahli-ahli agama, namun kesenian dengan segala cabangnya ( seni bahasa, seni rupa, seni tari, seni suara/muzik ) yang merupakan keperluan hidup rohani manusia pada awalnya hukumnya adalah berdasarkan kepada kedudukan dan situasi yang dilorongan oleh kesenian tersebut. Justeru berdasarkan kepada pernyataan ini maka persembahan bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak mempunyai nilai khazanah dan falsafah budayanya yang tersendiri.

Justeru perbincangan tentang budaya dan muzik tradisi di Sarawak sering juga akan melibatkan perbincangan pada perkara yang mendasar dan mendukung penjenisan sesuatu struktur muziknya yang terkadang perlu ditafsirkan kepada beberapa kategori tertentu seperti yang dinyatakan di atas. Namun demikian, muzik tradisi di Sarawak sendirinya adalah terdiri daripada pelbagai bentuk dan mempunyai stail yang berlainan. Pada dasarnya muzik masyarakat Melayu Sarawak juga boleh dijeniskan sebagai muzik rakyat, muzik klasik ( muzik daripada tradisi kesenian tinggi ) atau muzik popular. Istilah atau perbezaan ini boleh digunakan untuk menggambarkan muzik yang tertentu. Tetapi aplikasi istilah-istilah ini bergantung kepada keadaan sosial, budaya, ekonomi dan keadaan politik di mana seni muzik itu diperkembangkan. Muzik Melayu di Sarawak juga tidak mempunyai suatu sistem skala yang tertentu, biasanya menggunakan skala *pentatonic* atau *heptatonic*. Muzik sebagai fenomena budaya seperti halnya juga dengan gendang Melayu Sarawak ini banyak menerima unsur-unsur dari luar

---

<sup>2</sup> rujuk buku tulisan Isma'il R. Al-Faruqi dan Lois Lamya Al-Faruqi bertajuk Atlas Budaya Islam terjemahan Mohd Ridzuan Othman.. etc yang ada membicarakan tentang Handasah Al-Sawt atau seni bunyi dalam konteks Islam ( bab 23 ).

sama ada dari segi peralatan permainan, nyanyian dan corak persembahannya di mana tujuannya adalah untuk menyesuaikan budaya itu agar dapat diterima oleh masyarakat yang mendukungnya.

Selain daripada huraian yang dinyatakan di atas sistem penjenisan alat-alat muzik Melayu di Sarawak juga telah menerima pakai penjenisan alat-alat muzik yang telah dianjurkan oleh ahli etnomuzikologi yang terawal iaitu Curt Sachs dan Erich Von Hornbostel yang dibuat berasaskan kepada prinsip-prinsip akustik. Sistem sebegini telah diterima oleh ahli etnomuzikologi Melayu sebagai satu sistem yang sesuai bagi penjenisan semua alat muzik yang sering digunakan untuk mengiringi persembahan muzik Melayu setelah disesuaikan berdasarkan etnografi Melayu. Dalam sistem ini alat-alat muzik dijeniskan berdasarkan cara alat-alat itu menghasilkan bunyi. Dalam sistem ini terdapat lima jenis pengelompokan muzik yang utama iaitu idiofon, membranofon, erofon, kordofon dan elektofon ( *Patricia Matusky : 1989* ). Muzik gendang dalam masyarakat Melayu Sarawak ini juga merupakan tergolong dalam kelompok ini.

Oleh itu, apabila mengambil skop kajian etnomuzikologi sebagai landasan utama, kita seharusnya melihat upacara bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak ini merupakan kajian muzik dalam budaya yang juga merangkumi nilai sikap dan kepercayaan sesuatu masyarakat yang akhirnya juga mempengaruhi pelbagai nilai kesenian dan kebudayaannya ( *Merriam, 1964 : 6* ). Di samping itu, bidang etnomuzikologi juga merangkumi kajian mengenai pemikiran masyarakat tentang muzik dan cara mereka menghasilkan atau mempersembahkan muzik. Ini kerana dalam upacara bergendang ini di dalamnya terdapat pelbagai elemen yang mendasarnya seperti yang berbentuk tradisi perlakuan ( *behavioral* ), budaya benda ( *material culture* ), muzik, falsafah dan pemikiran ( melalui pantun ) dan sebagainya.

Di samping itu juga, beberapa pembaharuan dalam pelbagai aspek dan dimensi yang menjadikan budaya ini lebih bersifat moden sejajar dengan arus perkembangan zaman dan tuntutan semasa telah dilakukan. Sehingga sekarang pun budaya bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak ini masih lagi diamalkan khususnya pada majlis-majlis keramaian seperti kenduri perkahwinan dan juga acara-acara kebudayaan di Sarawak.

## Kajian dan penulisan tentang budaya bergendang

Antara kajian dan penulisan tentang budaya bergendang ini kerap dilakukan oleh penulis-penulis Sarawak antaranya ialah Hajah Maimunah Daud, Saiee Driss, Hajah Sarbanun Merikan, Sulaiman Bojeng, Abang Yusuf bin Abang Puteh, Tuah Matnor, Abang Patdeli Abang Muhi, Abang Seruji Abang Muhi, Haji Razali Yu, Puan Fatimah Subet, En Khatim Ariffin, Kamel Salim (sekadar menyebut beberapa nama) dan beberapa penulis dan pengkaji lain yang mungkin tidak dinyatakan di sini. Selain itu juga, apabila membicarakan persembahan gendang Melayu ini yang berasaskan skop kajian etnomuzikologi, tulisan awal yang telah membicarakan tentang gendang Melayu Sarawak ini telah dilakukan pada tahun 1935 oleh Mohamed Nor-Hel yang bertajuk “*Is gendang tanda an entertainment* “. Dalam tulisannya itu beliau telah memberi definisi gendang Melayu Sarawak ini sebagai “gendang tanda ‘. (*tanda?* yang bermaksud tarian )

“ Whenever a *gendang tanda* is in progress, youngsters on hearing the first sound of the drum will at once locate the dance-hal. Curiously enough on their arrival, the peeping through the door and windows...” ( Mohamed Nor Hel : 1935 ).

Walaupun demikian *gendang tanda* yang dimaksudkan ini juga merupakan gendang Melayu Sarawak yang dipersembahkan oleh masyarakat Melayu Sarawak sehingga hari ini. Huraian yang berbentuk rencana sehalaman ini merupakan satu garapan awal oleh Mohamed Nor- Hel dalam membicarakan budaya bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak ini di muatkan dalam Sarawak Gazzet dan ditulis oleh beliau melalui kaedah pemerhatian terhadap persembahan gendang Melayu Sarawak di sekitar Kuching. Seterusnya kajian secara ilmiah dan yang lebih menjurus kepada skop kajian etnomuzikologi tentang persembahan gendang Melayu Sarawak ini juga telah dibuat oleh Robsen Rachel ( 1992 ) melalui tesis sarjananya yang bertajuk *Gendang Melayu Sarawak : A pantun exchange of the Sarawak Malay community*. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Puan Fatimah Subet melalui tesis Sarjana Mudanya yang bertajuk *Implikatur dalam pantun Melayu Sarawak* dan juga tesis Sarjana oleh Khatim Ariffin yang bertajuk *Puisi Melayu Sarawak* dalam aktiviti bermukun : Satu kajian makna. Namun demikian, kedua-dua tulisan ini hanya memfokuskan



tentang pantun dalam budaya bergendang tanpa banyak menyentuh berhubung persembahan gendang itu sendiri secara per se.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Robsen Rachel pula, beliau memperincikan tentang budaya bergendang ini dalam beberapa aspek khususnya yang melibatkan aspek persembahan dan beberapa perilaku dalam upacara bergendang. Namun, dalam kajian tersebut Robsen juga tidak memperincikan tentang seni dan budaya tersebut yang di aspirasikan oleh masyarakat Melayu Sarawak dan kajiannya ini hanyalah sekadar huraian dan analisis beliau terhadap penciptaan pantun-pantun semasa upacara bermukun. Ini mungkin disebabkan oleh beliau tidak mampu untuk memperincikan aspek ini disebabkan oleh faktor dan latar belakang beliau sebagai penulis dan penyelidik luar. Manakala dalam tulisan yang lain khususnya oleh Buchari Lubis pula beliau menyatakan bahawa Gendang Melayu Sarawak pada asalnya juga berkaitan dengan Zikir Burdah yang merupakan salah satu antara kebudayaan tradisi rakyat Sarawak yang diadakan semasa waktu rehat selepas zikir ( pengucapan puisi-puisi Arab ) yang dipersembahkan dalam masyarakat Melayu Sarawak khususnya di sekitar Bahagian Sri Aman, Pusa dan Saribas. ( Buchari Lubis : 1989 ).

Begitu juga tulisan yang dibuat oleh Nik Mustapha Nik Mohd Salleh ( 1989 ) yang bertajuk *Alat muzik tradisional : dalam masyarakat Melayu di Malaysia*. Dalam tulisan ini beliau juga memperkatakan tentang gendang Melayu Sarawak yang juga ditafsirkannya sebagai *gendang wanita*. Dalam huraianya itu beliau menyatakan bahawa gendang wanita ini merupakan sejenis gendang satu muka yang menyerupai rebana. Menurutnya lagi, gendang ini sering dimainkan oleh sekumpulan wanita yang dikenali sebagai kumpulan gendang Melayu untuk mengiringi persembahan nyanyian rakyat yang dikenali sebagai bermukun di kalangan masyarakat Melayu Sarawak.

Pada pendapat beliau, kesenian ini hampir serupa dengan dondang sayang dari aspek gaya dan bentuk persembahannya. Melalui tulisan ini persembahan bermukun ini menurutnya adalah dipersembahkan dan terdiri dari kumpulan ‘ gendang wanita ‘ yang akan memainkan rebana yang juga dikenali sebagai gendang ibu sambil berpantun dan dibantu oleh pemain-pemain gendang wanita yang lain dalam bentuk bertingkah. Manakala Saiee Driss dalam tulisannya yang

bertajuk *Gendang Melayu baru : Keseniaan rakyat yang semakin pupus ( 1982 )* dan juga dalam kertas kerja sempena Hari Sastera XII yang bertajuk *Pantun dalam seni gendang Melayu di Sarawak : penelitian terhadap wacana pantun-pantun dalam rancangan ' Mari Bermukun ' di RTM Sarawak* juga ada membicarakan tentang gendang Melayu ini. Namun demikian penelitian dan kajian yang dilakukan oleh Saiee Driss ini juga adalah untuk menganalisis dan mengkaji struktur binaan pantun yang diucapkan oleh para *pemukun* sewaktu upacara bermukun ini dilangsungkan.

Namun demikian, tulisan yang telah dilakukan oleh Saiee Driss dan beberapa penulis yang lain terhadap persembahan gendang Melayu Sarawak ini adalah satu usaha bagi para pengkaji lain untuk melihat budaya bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak ini pada kerangka dan skop kajian etnomuzikologi yang lebih luas sifatnya. Justeru, kajian terhadap persembahan gendang Melayu Sarawak menurut skop kajian ahli etnomuzikologi adalah dirasakan perlu kerana struktur yang mendasari dalam persembahan gendang Melayu Sarawak ini merangkumi pelbagai aspek yang jika dilihat dalam skop kajian etnomuzikologi begitu menarik untuk dilakukan. Namun demikian antara tulisan awal yang membicarakan tentang gendang Melayu Sarawak ini juga telah dibuat pada tahun 1935 oleh Mohamed Nor-Hel yang bertajuk ' IS GENDANG TANDA ' AN ENTERTAINMENT. Dalam tulisannya itu beliau mendefinisikan gendang Melayu Sarawak ini sebagai ' gendang tanda'.

*"...Whenever a gendang tanda is in progress, youngsters on hearing the first sound of the drum will at once locate the dance-hall. Curiously enough on their arrival, the peeping through the door and windows is habitual Gendang tanda certificates are generally issued freely by the Tua Kampong to the villagers. When there is no 'Tuan' in the neighbourhood the performance will last the whole night through and will only cease at day break .." ( Mohamed Nor Hel : 1935 )*

Walaupun demikian gendang tanda yang dimaksudkan oleh beliau ini ialah gendang Melayu Sarawak yang ada pada masa ini. Seterusnya kajian secara ilmiah tentang persembahan gendang Melayu Sarawak ( bergendang ) ini mula dilakukan oleh Robsen Rachel melalui kajiannya yang bertajuk ' Gendang Melayu Sarawak: A pantun exchange of the Sarawak Malay Community .

Dalam kajiannya ini Robsen Rachel telah memperincikan tentang gendang Melayu Sarawak ini dalam beberapa aspek khususnya yang melibatkan aspek persembahan dan perilaku dalam upacara bergendang. Namun dalam kajian tersebut Robsen tidak terlalu memperincikan mengenai seni dan budaya yang tersirat dalam budaya tersebut yang diaspirasikan oleh masyarakat Melayu Sarawak. Mungkin kerana beliau tidak mampu untuk mengeluarkan dan memperincikan aspek ini disebabkan oleh faktor latar belakang beliau sebagai penyelidik luar yang berasal dari barat.

*Certainly gendang has been very important to the Sarawak Malay community. Although its importance is diminishing to the urbanised Kuching Malay who are more heavily exposed to western influence through the media, gendang is still an integral part of a wedding in the kampung ( Robsen Rachel : 1995 )*

Begitu juga dengan kajian yang dibuat oleh Nik Mustapha Nik Mohd Salleh ( 1989 ) yang bertajuk *Alat Muzik Tradisional: Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia*. Dalam kajian tersebut beliau telah memperincikan dan mengklasifikasikan alat muzik tradisional khususnya pada pembahagian alat-alat idiofon, membranofon, kordofon dan erofon. Selain itu beliau juga pernah mengkaji tentang alat-alat muzik utama suku kaum bumiputera di Sarawak seperti *Engkerurai, keledi* ( keluri ) yang dikatakannya sebagai keluarga ( mouth organ ), *Sape/Sapeh*, dan *Engkeromong*. Dalam kajian ini juga beliau ada memperkatakan sedikit tentang gendang Melayu Sarawak yang juga ditafsirkannya sebagai *Gendang Wanita*. Dalam huraianya itu, Nik Mustapha mengatakan bahawa gendang Wanita ini merupakan sejenis gendang satu muka yang menyerupai rebana. Menurutnya lagi gendang ini sering dimainkan oleh sekumpulan wanita yang dikenali sebagai kumpulan gendang Melayu untuk mengiringi sejenis persembahan nyanyian rakyat yang dikenali sebagai “ Bermukun “ di kalangan masyarakat Melayu di Sarawak.

Pada pendapatnya kesenian ini hampir serupa dengan ‘ *Dondang Sayang* ‘ dari aspek gaya dan bentuk persembahannya. Menurut pada kajiannya itu juga dalam persembahan bermukun ini ketua kumpulan ‘ *gendang wanita* ‘ akan memainkan rebana yang juga ditakrifkannya sebagai *gendang ibu* sambil berpantun dan dibantu oleh pemain-pemain gendang wanita yang lain dalam

bentuk bertingkah. Namun demikian kajian yang dilakukan oleh Nik Mustapha. Namun demikian dalam tulisan Nik Mustapha ini beliau tidak memperkatakan secara menyeluruh tentang gendang Melayu Sarawak itu dari pelbagai dimensi khususnya dari aspek etnomuzikologi seni dan budayanya. Kerana tulisannya itu hanyalah sekadar huraian terhadap pengenalan dalam aspek bergendang dan bermukun sahaja. Manakala seorang lagi budayawan negeri Sarawak Hajjah Maimunah Haji Daud juga banyak membicarakan tentang gendang Melayu Sarawak ini. Antara hasil tulisan beliau ialah:

- a. Bergendang a popular form of entertainment among the Sarawak Malays.
- b. Sarawak Malay Pantun.

Kedua-dua tulisan beliau ini cuba menghuraikan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan amalan bergendang ini secara ringkas khususnya pada amalan bermukun dan menopeng dalam persembahan bergendang di kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Contohnya dalam tulisan dalam para ( a ) di atas antara lain beliau menyatakan

*“...in addition, some of the more shy young men danced with their faces covered with sarong ( kain palekat ) folded in the form mask in order to keep their identities a secret. Such dancers were known as the topeng and so topeng became the dancers and the gendang vocabulary to this day. A young man would ask his friends whether they would like to attend the gendang with him. Any gentlemen who patronies the gendang automatically known as the topeng, regardless of whether he dances or not. ( Maimunah Haji Daud, 1980 )*

Di samping itu dalam tulisan ini juga Hajjah Maimunah telah membahagikan gendang Melayu Sarawak itu dalam dua keadaan zamannya iaitu zaman gendang Melayu lama dan gendang Melayu Baru.

*“.....Over the years,ask far back as the 1940s the old gendang Melayu Lama Was slowly phased out to make way for a new generation of the gendang ( singer/drummer ) who never knew how to sing the old generation of she gendang left quite a gap in the continuity of the gendang culture. Furthermore, the catchy tunes of the present-day gendang appeal to the modern generation so much so that the present-day seh gendang have not made effort to learn the old gendang Melayu lama tunes. ( Hajjah Maimunah : 1993 )*

Namun adakah pembahagian antara gendang Melayu lama dan baru seperti yang dinyatakan oleh Hajjah Maimunah ini sememangnya wujud dan kalau ianya berlaku sejauh manakah perbezaan serta adakah kewujudan gendang Melayu baru ini mempengaruhi dan menghakis keaslian dan ketulenan gendang Melayu lama. Hasil dari permasalahan ini juga maka kajian yang dilakukan ini nanti akan menyentuh seberapa banyak yang mungkin tentang pembahagian ini bersandar

akan pada permasalahan yang telah ditimbulkan agar segala permasalahan yang wujud dalam aspek ini dapat ditangani.

## **BERGENDANG DALAM MASYARAKAT MELAYU SARAWAK**

### **Latar Belakang Bergendang**

Bergendang merupakan **Kebudayaan Agung** dalam masyarakat Melayu Sarawak yang telah warisi oleh masyarakat **Melayu Sarawak** daripada zaman berzaman yang diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain sama ada secara formal ataupun tidak formal. Saya mengistilahkan bergendang ini sebagai **Kebudayaan Agung** kerana budaya ini dari segi nilainya telah dimiliki oleh masyarakat Melayu Sarawak merentas zaman. Aktiviti yang unik ini mempunyai keistimewaan dan fungsi yang tersendiri sebagai satu budaya yang dapat mencerminkan adat, nilai hidup serta pandangan hidup masyarakat tempatan kepada kebudayaan orang Melayu Sarawak. Upacara bergendang pada permulaannya merupakan upacara kemestian diadakan ketika majlis-majlis keramaian dilangsungkan khususnya dalam kalangan masyarakat kampung dan juga di pesisir bandar. Namun demikian, peranan dan penerimaan budaya bergendang di kalangan masyarakat sentiasa berubah mengikut keadaan dan zaman yang kadangkalanya penerimaan ini amat bergantung kepada faktor politik, sosial serta elemen-elemen yang menjadi teras kepada budaya bergendang itu sendiri.

Pada zaman dahulu bergendang sering diadakan kerana nilai hiburannya yang murah dan dipersembahkan secara percuma kepada khalayak. Sebagai contohnya pihak penganjur atau tuan rumah hanya menjamu *seh* gendang dengan makanan dan minuman sahaja tanpa memberi upah berbentuk wang tunai. Namun pada masa kini bergendang telah dijadikan sebagai bahan komersial oleh *seh* gendang. Namun budaya bergendang kini menurut beberapa informan, faktor politik juga merupakan suatu elemen penyebab yang mempengaruhi dan memimpin perkembangannya ini khususnya pada zaman pemerintahan Rajah Brooke yang dianggap sebagai satu titik rujukan perkembangan yang utama khususnya pada zaman pemerintahan Rajah Putih yang ketiga iaitu Charles Vyner Brooke ( 1917-1941 ). Zaman ini dilihat sebagai unjuran perkembangan budaya

bergendang yang kuat kerana keadaan politik semasa pemerintahan Dinasti Brooke yang ketiga ini amat stabil dan tidak lagi berlaku kekacauan serta huru-hara di kalangan penduduk setempat seperti pada zaman Dinasti Brooke yang sebelumnya. Keadaan sebegini menjadikan pentadbiran zaman Charles Vyner Brooke ini berpeluang untuk memberi perhatian yang khusus terhadap perkembangan-perkembangan seni dan budaya penduduk setempat khususnya kepada masyarakat Melayu di bahagian Kuching. Selain itu budaya bergendang ketika zaman ini dapat dikategorikan sebagai gendang Melayu Lama yang sedikit berbeza dengan amalan bergendang seperti yang ada sekarang khususnya yang bersangkutan dengan rentak muzik gendang serta peralatan muzik gendangnya.

Manakala zaman yang kedua pula dapat dirujuk pada era pasca merdeka yang dianggap sebagai suatu zaman yang banyak memberi perubahan kepada amalan budaya bergendang itu secara keseluruhannya serta telah banyak menerima pengaruh daripada elemen muzik dan budaya semasa. Hal sebeginilah yang menjadikan upacara bergendang ini dinamakan sebagai gendang Melayu Baru yang sebenarnya lebih banyak menerima unsur-unsur dan konsep rentetan daripada perkembangan tarian dan lagu-lagu joget dari Semenanjung ( Tanah Melayu dan Singapura ) ketika itu. Pada permulaan kewujudan upacara bergendang ini ia hanya melibatkan sebuah rentak irama sahaja iaitu rentak Gendang Melayu Lama. Mulai tahun 1930- an, budaya bergendang dalam Gendang Melayu Sarawak ini mula menerima pengaruh rentak baru yang akhirnya mengubah rentak irama gendang Melayu lama. Mulai saat inilah maka lahir pula rentak Gendang Melayu Baru dalam upacara bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak . Berkaitan dengan hal ini Saiee Dris pernah menyatakan sebagai :

“ Gendang Melayu baru adalah lanjutan atau perkembangan dari satu unsur kebudayaan Melayu di Sarawak yang disebut Gendang Melayu atau Gendang Melayu Lama” (Saiee Dris , 1982 :17)

Pada tahun 1925 Dinasti Rajah Brooke yang ke-3 iaitu Charles Vyner Brooke seperti yang dinyatakan amat berminat dan sering sahaja mengadakan pertandingan gendang ini peringkat Kuching di Astana. Namun muzik gendang yang dimainkan masih lagi berbentuk gendang lama. Menurut Puan Hajah Rahmah Binti Haji Arbi ketika ditemui berkata sebagai gadis yang masih kecil sewaktu itu beliau tidak menyertai pertandingan tersebut tetapi menjadi

penyokong kepada pasukan kampungnya iaitu ‘ *The Kampung Bintangor No 1* ‘ yang menjadi Johan dalam pertandingan tersebut. Menurut beliau lagi Rajah Brooke ketika itu suka dengan pergerakan yang perlahan seperti rentak ‘ air amboi ‘ dan ‘ indung anak ‘ serta rentak gendang yang perlahan. Selain itu sambutan masyarakat terhadap gendang Melayu pada zaman ini begitu hebat sekali sehingga Muhamad Rakawi Ahmad<sup>5</sup> dalam novelnya yang pertama iaitu *Melati Sarawak* menjadikan persembahan majlis bergendang di kalangan orang Melayu Sarawak ini sebagai cerpen yang sarat dengan kritikan yang utama dalam penulisan beliau. Manakala berkaitan dengan hal ini pula Philip L. Thomas menyatakan sebagai :

“...Jikalau *Melati Sarawak* dibaca sebagai karya yang bertujuan mengadakan perbaikan dan perubahan dalam masyarakat maka institusi yang ingin diperbetulkan oleh pengarangnya ialah gendang perempuan....”

Seperti yang dinyatakan gendang Melayu Sarawak pada zaman ini telah banyak menerima pengaruh unsur-unsur muzik dari luar. Hal ini berlaku disebabkan oleh perkembangan muzik Tanah Melayu ketika itu yang begitu terpengaruh dengan muzik-muzik joget. Dengan memasukkan elemen-elemen sebegini ia telah menjadikan persembahan gendang Melayu Sarawak ini mendapat tempat dikalangan orang-orang muda ketika itu yang sering menjadikan persembahan gendang ini sebagai satu hiburan yang utama dalam aspirasi budaya kehidupan mereka. Seawal tahun 60-an misalnya persembahan gendang Melayu Sarawak ini sering sahaja diadakan pada majlis-majlis keramaian seperti majlis kenduri perkahwinan, pertunangan, pindah ke rumah baru, doa selamat dan sebagainya. Justeru perkembangan persembahan gendang Melayu Sarawak ini terus sahaja memuncak dan menjadi budaya yang popular di kalangan masyarakat kampung di sekitar tahun 70-an hingga awal 80-an. Hal sebegini disebabkan oleh beberapa faktor seperti kemudahan infrastruktur masyarakat kampung di Sarawak yang begitu ketinggalan seperti ketiadaan bekalan elektrik menyebabkan sukar bagi mereka menyaksikan hiburan-hiburan daripada media khususnya tayangan wayang yang akhirnya menjadikan persembahan gendang in sebagai media hiburan yang utama di kalangan mereka. Namun demikian perkembangan dan penerimaan masyarakat Melayu Sarawak terhadap persembahan gendang ini mula merosot pada pertengahan tahun 80-an apabila media-media elektronik

---

<sup>5</sup> Beliau merupakan novelis pertama Sarawak yang telah menerbitkan novel *Melati Sarawak* ini pada tahun 1929.

mengambil alih hiburan tradisi khususnya di kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Hal ini wujud disebabkan oleh faktor politik yang menjadi kuasa yang amat kuat ketika itu. Pengaruh politik ini mula mencampuri dalam hal-hal budaya di Sarawak khususnya dalam aspek budaya bergendang ini. Selain itu hal ini juga berlaku disebabkan perkembangan budaya ilmu dalam masyarakat Melayu yang kian memuncak.

Para cerdik pandai agama ketika itu sering sahaja beranggapan bahawa upacara bergendang ini amat bertentang dengan ajaran Islam khususnya yang berkaitan dengan percampuran antara perempuan dan lelaki bukan muhrim dalam sewaktu upacara ini diadakan. Hal sebeginilah yang menyebabkan upacara bergendang ini pada pertengahan 80-an menjadi merosot dan kurang mendapat sambutan. Namun demikian seawal tahun 90-an dan 20-an gendang Melayu Sarawak ini telah mengalami perubahan kembali dengan menerima unsur-unsur baru dan meninggalkan elemen yang lama dalam banyak aspek seperti corak persembahan, tujuan persembahan rentak dan gaya dalam upacara tersebut. Perubahan-perubahan sebegini akhirnya memberi kesan terhadap penerimaan masyarakat dalam upacara

## **GENDANG MELAYU SARAWAK**

Dalam persembahan gendang Melayu Sarawak alat-alat muzik yang digunakan ialah dua atau tiga biji gendang ( bergantung kepada keperluan seh gendang ), sebuah biola dan ada kalanya ditambahkan dengan akordion. Namun pada kebiasaannya dalam upacara bergendang zaman ini akordion jarang digunakan kalau adapun ia hanya digunakan pada upacara bergendang yang mirip kepada rentak zapin dan joget.

### **Gendang**

Gendang yang dimaksudkan adalah tergolong dalam kumpulan *membrophone* dan mempunyai satu muka kulit ( *single-headed* ). Dalam persembahan gendang Melayu Sarawak gendang merupakan alat muzik yang paling utama digunakan pada keseluruhan persembahan tersebut. Ini kerana menurut informan upacara bergendang dalam budaya masyarakat Melayu Sarawak ini diberi nama sempena dengan peralatan muzik utama yang digunakan iaitu gendang. Gendang yang digunakan dalam upacara bergendang ini terdapat tiga saiz yang utama iaitu



gendang ibu ( yang terbesar ), gendang tengah ( sederhana ) dan gendang anak ( terkecil ). Namun gendang yang sering digunakan dalam setiap upacara bergendang pada waktu ini adalah gendang yang bersaiz sederhana. Adapun gendang ibu iaitu yang paling besar sering digunakan juga sewaktu upacara ini masih ditahap era gendang Melayu lama dahulu di mana ia sering sahaja digunakan sewaktu upacara bergendang yang berentak muzik atau *tukuk* ( pukul ) air amboi.

### **Cara membuat**

Bahagian-bahagian yang penting dan utama dalam membuat sesebuah gendang Melayu Sarawak ini terdiri daripada bahagian-bahagian yang berikut :

- 2.3bi ) Bahagian muka yang diliputi belulang atau kulit.
- 2.3bii ) Bahagian badannya yang dipanggil aran ( baluh )
- 2.3biii ) Alat-alat yang digunakan untuk *menerit* ( merengangkan ) ketika ia digunakan.

### **Bahagian muka yang diliputi kulit dan aran ( baluh ).**

Seperti kebanyakan jenis gendang Melayu yang lain, muka gendang ini diperbuat daripada kulit kambing ataupun sapi ( lembu ). Kulit yang diperolehi dari seekor kambing atau lembu direndam lebih kurang satu hari hingga lembut. Untuk membuang bau *lantuh* ( hanyir ) pada kulit tersebut air rendaman itu dicampurkan dengan kapur atau klorin. Setelah direndam kulit tersebut diregangkan dan dijemur untuk mengeringkan air pada kulit tersebut selain bertujuan untuk pengeringan. Dan setelah kering barulah kulit itu dipasangkan ke permukaan *aran* ( baluh ) gendang tersebut.

### **Aran gendang**

Badan gendang ( aran ) menurut seorang pembuat gendang biasanya diperbuat dengan menggunakan kayu-kayu yang keras seperti meranti, engkabang, belian, merakak, *engeris*, tapang dan kayu biasa sahaja. Kayu-kayu keras seperti *belian* dan *engeris* ( menggeris ) jarang digunakan kerana ia terlalu keras untuk dibentuk serta amat sukar didadpati tapi ia juga sering dibuat sekiranya mendapat tempahan daripada pembeli. Proses membuat gendang dimulakan dengan memotong kayu yang panjang dan dibelah untuk membentuk *bile* ( segi empat ) yang berukuran

lebih kurang satu meter ( sekaki ). Apabila *bile* siap dibentuk kayu ia akan *ditampas* dengan menggunakan kapak atau beliung untuk menjadikannya rangka yang berbentuk hemisfera. Kemudian apabila kayu itu telah dijadikan berbentuk bulat barulah ia diletakkan di atas mesin untuk proses yang seterusnya.

Pada waktu inilah rangka gendang tadi ditebuk dengan menggunakan alat pahat untuk membuat lubang di pertengahan gendang. Pada waktu ini kerja membuat lubang lebih mudah kerana ia dibuat dengan bantuan mesin berbanding dengan zaman dahulu yang hanya menggunakan pahat sahaja. Kerja membuat lubang ini hanya memakan masa satu hingga dua jam sahaja dan haruslah dibuat berhati-hati agar ukurannya tidak lari kerana bahagian inilah yang nanti akan menentukan bentuk aran yang sebenarnya. Setelah selesai dibuat lubang barulah aran itu dilaritkan untuk memperkemas lagi bentuknya. Corak pada gendang Melayu Sarawak ini tidak mempunyai bentuk yang tetap dan bergantung kepada kemahiran dan kekreatifan pembuatnya tetapi kebiasaannya ia hanya terdapat dua garis panjang ( larit ) yang dikelilingi gendang yang digunakan untuk mencantikkan lagi perhiasan pada aran tersebut tanpa diukir dengan corak bunga ataupun corak-corak yang tertentu. Manakala dari segi ukuran saiz tinggi dan lebar permukaan arannya adalah tidak sama. Biasanya terdapat tiga bentuk kebiasaan gendang Melayu Sarawak yang sering dibuat iaitu :

- Besar ( tinggi aran ialah 8 inche manakala ukuran lebarnya ialah 20 inche ).
- Sederhana ( tinggi aran ialah 7 inche manakala ukuran lebarnya ialah 18 inche ).
- Kecil ( tinggi aran ialah 5/2 inche manakala ukuran lebarnya ialah 16 inche )

Apabila selesai melarik aran itu akan digosok dengan menggunakan kertas pasir untuk melicinkan dan memperkemas permukaannya supaya ia tidak *berkedut*. Proses seterusnya ialah menyanggit aran tadi dengan menggunakan rotan bersama dengan kulit kambing. Tapi sebelum proses ini dilakukan terlebih dahulu aran itu akan dijemur dua hingga tiga hari agar aran itu benar-benar kering serta disapukan dengan *varnis* yang bertujuan agar kayu ini tidak akan mengucup ( mengecil ) ataupun serong apabila disangit nanti. Sebelum kerja-kerja memasang kulit di permukaan gendang ini dilakukan ia juga terlebih dahulu melalui proses-proses yang lain seperti menyanggit rotan, memasang *entebu*, memasang *tungkang*, memasang *bengkong*, dan memaji ( untuk *meneritkan* kulit tadi ). Apabila semua proses ini selesai dilakukan barulah gendang itu dapat digunakan.

Proses memasang kulit pada permukaan adalah langkah kedua pentingnya dalam pembuatan gendang ini. Kulit yang telah siap diproses tadi dipasangkan pada kedua muka, bahagian hujungnya digulung ke atas meliputi seutas rotan bulat. Dalam keadaan ini kulit yang bergulung tadi membentuk sebuah bingkai. Rotan dimasukkan pada bahagian dalam bingkai menerusi lubang-lubang yang ditebuk dan ditarik meliputi buluh. Untuk menegangkan kulit muka beberapa kulit kecil berbentuk empat persegi dimasukkan pada rotan itu dan diperketat dengan disisip pada bingkai muka bawah yang lebih kecil. Pada akhirnya beberapa utas rotan lagi dililit dengan susunan empat untuk meregangkan kulit di bahagian sisi gendang yang akan diikat pada bahagian *bengkung* dan *tungkang*. Menurut informan gendang yang telah dipasang, kulit muka tidak boleh didedahkan pada matahari kerana dengan cara ini ia ditakuti kulit tersebut mudah pecah disebabkan proses pengeringan yang mengejut. Seelok-eloknya ia cuma diletakkan di tempat yang redup dan dibiarkan kering dengan hembusan angin sahaja.

## **PERLAKSANAAN DAN PERSEMBAHAN**


Rentak dan persembahan gendang Melayu Sarawak ini boleh di kategorikan kepada dua aspek yang utama iaitu gendang Melayu Lama dan gendang Melayu baru. Kedua-dua aspek ini tidak banyak perbezaannya cuma yang membezakannya adalah dari segi tandak, skor muzik dan *pun* lagu-lagunya sahaja. Selepas itu peranannya pula di ambil alih oleh gendang Melayu baru yang kewujudannya berlanjutan hingga ke hari ini. Namun dari aspek pelaksanaan kedua-dua persembahan gendang Melayu Sarawak ini pula ia tidak jauh berbeza

### **Tata Ruang Bergendang**

Persembahan gendang Melayu Sarawak ini juga mempunyai susun atur dan sistem tata ruangnya yang tersendiri. Walaupun susun aturnya tidaklah seperti susun atur orkestra dan sebagainya namun dengan wujudnya susun atur sebegini ia menggambarkan bahawa masyarakat Melayu Sarawak zaman dahulu sebenarnya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mempamerkan dan mempersembahkan sesuatu kebudayaan yang tidak dilakukan sesuka hati. Walaupun susunan ini tidaklah sehebat sebagaimana susunan orkestra barat namun ia membuktikan

kepada kita bahawa masyarakat Melayu Sarawak juga telah mempunyai sistem konduktor muzik yang teratur sejak zaman dahulu lagi.


**Tata ruang dalam majlis bergendang**



**Sepintas Lalu Tentang Bergendang**

Gambar rajah di bawah merupakan antara elemen utama dalam upacara bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak. Antara aspek utama yang menjadi teras dalam upacara bergendang ini ialah bermukun, menopeng / bertandak yang juga diiringi oleh muzik gendang itu sendiri.

**Unsur dasar dalam upacara bergendang**



**Dimiliki khususnya oleh masyarakat Melayu dan  
segelintir kaum Iban, Bidayuh dan Melanau di Sarawak**

Dalam persembahan gendang Melayu Sarawak gendang yang selalu digunakan ialah dua buah sahaja iaitu gendang ibu ( yang bersaiz sederhana ) dan gendang anak. Gendang ibu selalu digunakan untuk bunyi pukulan utama manakala gendang anak digunakan untuk pukulan meningkah. Tidak seperti permainan gendang keling ataupun gendang silat di Kedah, gendang Melayu Sarawak ini dimainkan dengan pukulan tangan sahaja dan tidak menggunakan apa-apa peralatan yang lain sebagai pemukul. Sebelum memulakan persembahan terlebih dahulu seh gendang ( ketua gendang ) dan *tukang gendang* yang kedua dan ketiga akan duduk bersila.

### **Bermukun**

Bermukun adalah kegiatan sampingan ketika majlis bergendang seperti juga halnya dengan menopeng. Bermukun adalah acara berbalas pantun antara seh gendang dengan pemuda yang bertandak ( penopeng ). Ia dimulakan apabila seh gendang mendendangkan pantun yang meminta para penopeng membalas pantun yang ditujukan kepada mereka. Pantun berikut merupakan antara pantun yang sering digunakan :

Bukan mukun sebarang mukun,  
Mukun kamek berisi beras,  
Bukan pantun sebarang pantun,  
Pantun kamek mintak dibalas.

Dari makna pantun di atas kita tahu bahawa seh gendang mahu pantunnya di balas oleh par penopeng. Apabila penopeng membeli pantun tersebut maka bermula jual beli pantun dengan irama gendang gesekan biola serta rentak tariannya yang tersendiri yang dinamakan dengan aktiviti bermukun. Amalan bermukun dalam masyarakat Melayu Sarawak ini juga sebenarnya telah banyak menerima pengaruh daripada tarian joget di Semenanjung antaranya ialah joget dalam masyarakat Baba dan Nyonya Melaka yang amat popular dengan muzik Branyo. Dalam struktur muzik Branyo seperti lagu *Jingkly Nona* yang dinyanyikan oleh masyarakat Portugal dan Sepanyol di Melaka terdapat juga situasi seorang

penyanyi wanita dan seorang lelaki jawab menjawab pantun. Proses berbals pantun di antara dua penyanyi pada masyarakat Portugal ini dinamakan *mata katinga* yang bermakna membunuh lagu.<sup>11</sup> Bentuk strofik digunakan dalam lagu *Jingkly Nona*. Pelbagai rangkap dinyanyikan dengan melodi yang sama. Melodi setiap rangkap dibahagikan kepada dua kuplet yang diulangi ( AABB ). Korus dinyanyikan oleh semua yang hadir pada waktu persembahan ( CC ). Antara contoh lagu-lagu bermukun serta pelaksana nya yang dapat diketengahkan di sini seperti berikut :

### **Contoh**

- |                    |                                     |                   |
|--------------------|-------------------------------------|-------------------|
| 1.                 | a Bukan kain kerana kain            | 10/8 P            |
|                    | b Saya berkain kerana berbaju       | 10 P              |
|                    | x Saya berkain kerana berbaju       | 10 P              |
|                    | c Bukan saya pandai bermain         | 8 P               |
|                    | y bukan saya pandai bermain         | 8 P               |
|                    | d Saya bermain kerana malu          | 2 x ulang         |
|                    |                                     |                   |
| II.                | a Bukan kacang sebarang kacang      | 10 P              |
|                    | w Kacang sebarang kacang            | 10 P              |
|                    | b Kacang mengare di atas meja       | 8 P               |
|                    | x Kacang mengare di atas meja       | 8 P               |
|                    | c Lah bukan gendang                 |                   |
|                    | Sebarang lah gendang                | 2X ulang          |
|                    | y Bukan gendang sebarang gendang    |                   |
|                    | d Kerana                            | 2 X ulang         |
|                    | Menyambut bersuka ria               | 2X ulang          |
|                    |                                     |                   |
| <b><u>III.</u></b> |                                     |                   |
|                    | a Enda dapat ku renang lah renang   | 8 P               |
|                    | w Enda dapat ku renang-renang       |                   |
|                    |                                     | 8 P ( 2 X ulang ) |
|                    | b Kalau dah ingat Datuk Adenan      |                   |
|                    |                                     | 8 P ( 2 X ulang ) |
|                    | X Kalau dah ingat Datuk Adenan      | 8 P ( 2 X ulang ) |
|                    | c Karam di laut dapat ku renang     | 8 P ( 2 X ulang ) |
|                    | y Karam di laut dapat ku renang     | 8 P ( 2 X ulang ) |
|                    | d Karam di hati bila lah nak senang | 8 P ( 2 X ulang ) |

### **BERTANDAK / MENOPENG**

<sup>11</sup> Margerat Sarkissian dalam “ Sinhaes Girls “ Meets “ Aunty Annie “ : Competing Expressions of ethnic identity in the Portuguese settlement Melaka, Malaysia “ Asian Music XXVII ( 1 )

Bertandak atau menopeng merupakan satu lagi elemen yang utama dalam persembahan gendang Melayu Sarawak. Dalam upacara bergendang ini terdapat pelbagai cara dan teknik yang dilakukan oleh para penopeng ketika bertandak. Robson Rachel menyatakan upacara bertandak dalam persembahan gendang Melayu Sarawak ini sebagai berikut :

The dance has also changed over the years. The earliest form of dance performed by the men was gendang lama. This was a slow, stately dance with very graceful hand movements. The dance would begin face to face taking small steps in the to the rhythm of the drum. As demonstrated by some of the older men interviewed the dance followed roughly the following pattern. One dancer moved forwards ( Robson Rachel : 1995 )

Manakala Kamus Dewan mendefinisikan menopeng sebagai topeng. Ini bermakna topeng digunakan untuk bermain. Kalau dikaitkan dengan budaya menopeng di kalangan masyarakat Melayu Sarawak pada zaman dahulu ia bermaksud penari menutup muka atau menggunakan topeng ketika menari. Untuk menggantikan penopeng yang sebenar, penari tadi akan menutup keseluruhannya muka dan badannya dengan kain batik atau pelekat ketika menopeng. Oleh hal yang demikian aktiviti bergendang ini biasanya disebut sebagai menopeng oleh kaum lelaki sehingga ke hari ini. Kadang kala aktiviti ini disebut sebagai bertandak yang bermaksud menari. Oleh yang demikian ada sesetengah tempat yang menyebutnya sebagai aktiviti bertandak.

Oleh sebab kelazimannya menari dengan cara memakai topeng atau menutup diri, istilah topeng atau menopeng kekal digunakan hingga ke hari ini. Perlu diketahui juga bahawa istilah topeng atau menopeng hanya dikaitkan dengan para penari yang datang bertandak dalam majlis bergendang atau bermukun dan bukannya dalam majlis tari- menari yang lainnya. Upacara menopeng ini memerlukan empat hingga lapan orang pada kebiasaanya ( 1 hingga 3 pasangan sahaja ) dalam satu-satu masa. Upacara menopeng ini sebenarnya juga bukan sekadar bertandak tetapi ia juga diikuti serentak dengan bermukun di mana pada masa yang sama seh gendang akan menjual dan membeli pantun dengan para penopeng.

### **Lagu-lagu ( pantun ) dalam persembahan gendang Melayu Sarawak**

Sehingga kini terdapat hampir 20 buah lagu berbentuk pantun yang didendangkan oleh seh-seh gendang dalam setiap upacara bergendang ini. Dalam

penelitian ini khususnya di kawasan Sadong Jaya, Asajaya, Samarahan dan Kuching lagu-lagu pada pangkalnya tersebut tercipta dan diwarisi secara turun temurun daripada seh gendang yang terdahulu. Dalam upacara bergendang ini tidak terdapat lagu yang khusus ataupun dinyanyikan tetap dari awal sehingga habis kerana irama lagu yang dinyanyikan dalam upacara bergendang ini adalah berbentuk pantun dan tidak tetap dan bukannya seperti lagu-lagu kebiasaan. Ini kerana pantun yang dinyanyikan itu adalah kadang-kadang dibuat secara spontan berdasarkan kepada keperluan sewaktu upacara bermukun ( berbalas pantun ) seperti mana yang diminta oleh para penopeng.

Namun lagu-lagu ataupun irama pantun yang popular dan sering digunakan pada pangkal pantun mereka adalah seperti lagu Labuan, Samsudin, Asam Payak, Lela Majnun, Indung Anak, Tanjung Api, Sayang Sarawak, Terang Bulan, Cinta Berahi, Air Pasang, Selendang Mayang, Air Amboi adalah keselarasan nyanyian yang sering didendangkan oleh seh seh gendang di beberapa kawasan pengamal budaya bergendang ini cuma dipangkal lagu sahaja seperti yang dinyatakan ataupun sebagai pengenalan terhadap rentak dan muzik gendang Melayu Sarawak tersebut. Namun apa yang menarik dalam lagu-lagu tersebut ialah ia sering sahaja ditambah dengan imbuhan [ LAH ] pada kedudukan di hujung, di tengah dan dipangkal pantun tersebut. Selain itu juga setiap rangkap pada pantun ataupun lagu tersebut selalunya diulang sebanyak dua kali ataupun sekali sahaja bergantung kepada keperluan dan rentak muzik dalam gendang itu.

### **TRANSFORMASI DALAM PERSEMBAHAN GENDANG MELAYU SARAWAK.**

Berdasarkan kepada huraian yang dinyatakan upacara bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak ini juga telah mengalami transformasi atau perubahan dalam beberapa aspek. Transformasi yang dimaksudkan dalam budaya bergendang ini juga telah mewujudkan satu corak bergendang stail baru dalam budaya masyarakat Melayu Sarawak dan telah beransur-ansur cuba menghakis beberapa elemen yang mendasari gendang Melayu stail lama yang akhirnya bersinambungan dan diperkembangkan sehingga ke hari ini. Antara transformasi



yang dimaksudkan ini dapat saya simpulkan dalam beberapa faktor yang utama seperti berikut :

- i. Muzik dan alat muzik
- ii. Rentak tandak
- iii. Bentuk Pantun / Lagu
- iv. Sistem Tataruang
- v. Budaya bergendang pada keseluruhan.

Selepas lewat 1960- an, aspek muzik dalam gendang Melayu Sarawak mula terdedah kepada pengaruh dari luar budaya kelompoknya. Mungkin apabila sudah adanya televisyen, radio dan alat multimedia yang lain serta kumpulan kugiran yang bergerak dari pekan ke pekan atau kampung, budaya bergendang mula menerima pengaruh muzik moden sedikit demi sedikit. Dari situ lahir muzik gendang Melayu Sarawak baru yang lebih cepat rentak pukulan gendang dan lagunya di samping penggunaan alat muzik tambahan seperti biola dan akordion ( *Saiee Dris 1982 : 18*).

Boleh dinyatakan juga bahawa aspek muzik yang ada pada persembahan gendang Melayu Sarawak juga kini boleh digolongkan sebagai muzik sinkretik. Dalam muzik sinkretik ini unsur-unsur asli daripada muzik rakyat dan muzik klasik digabungkan dengan unsur-unsur luar seperti sumber muzik Arab, India, China, Portugal dan lain-lain negara Barat. Muzik yang telah diterima sebagai muzik sinkretik termasuklah lagu asli, zapin, inang, masri, joget, dondang sayang, ghazal dan keroncong. Dalam aspek transformasi yang berlaku dalam muzik gendang ini ia sebenarnya juga telah banyak menerima pengaruh daripada muzik joget. Joget ( atau ronggeng ) adalah tarian dan lagu yang rancak dalam rentak empat bit. Dua pemain rebana akan memukul rentak tersendiri secara bertingkah-tingkah berasaskan rentak masri asas. Manakala dalam aspek muzik gendang ini

juga dengan adanya penambahan alat muzik seperti biola dan akordion ia juga seolah-olah menyerupai dan mirip kepada muzik Branyo.

### **Rentak Tandak**

Rentak tandak dalam persembahan gendang Melayu Sarawak juga telah mengalami perubahan. Tandak atau nopeng dahulunya dilakukan oleh para penopeng yang benar-benar memahami gaya asli tandak dalam persembahan gendang Melayu itu sendiri. Kini tandak sudah mula dicemari oleh gerak tari yang sumbang, khasnya bila ditarikan oleh anak-anak muda yang lebih banyak terpengaruh rentak tarian semasa. Gerak tari yang mirip bunga silat tidak lagi kelihatan, kecuali di majlis-majlis pertunjukan kesenian.

“ Tandak asalnya adalah sama seperti adai-adai, iaitu gerak yang lebih menyerupai gerak bunga silat tetapi akhirnya berubah kepada hanya gerak mudah, ke hadapan dan ke belakang dengan gerak tangan yang terhad sahaja”.

Selain itu seperti yang berlaku dalam aspek muzik seperti yang dinyatakan di atas yang banyak menerima pengaruh daripada muzik joget tandak / nopeng dalam persembahan gendang Melayu Sarawak juga sama keadaannya apabila sering dipengaruhi oleh tarian joget seperti tandak sasi dan *twist* dalam majlis bergendang ini. Ada pendapat yang menyatakan bahawa perubahan dan penerimaan tandak dalam upacara bergendang ini dipengaruhi oleh tarian ala Portugis di Melaka. Mungkin juga andaian ini ada kebenarannya apabila diteliti dalam Ensemble Rancho ( dalam muzik branyo ) terdapat juga sesi branyo iaitu majlis tari menari yang diiringi oleh esemble itu yang turut menggunakan alat muzik seperti rebana, biola dan akordion seperti juga yang terdapat dalam upacara bergendang. Tandak / tarian dalam kedua-dua majlis ini ( branyo dan menopeng ) tidak jauh bezanya yakni ia dilakukan antara pasangan sambil tangan dihayunkan dengan pergerakan badan ke depan dan ke belakang. Cuma yang berbezanya ialah dalam sesi branyo ini pasangannya yang mengambil bahagian adalah perempuan dan lelaki tetapi upacara menopeng dalam gendang Melayu Sarawak ini ia dilakukan antara pasangan lelaki sahaja.

## **Bentuk Pantun / Lagu**

Contoh lagu baru yang diterima dalam persembahan gendang Melayu Sarawak ketika adalah dipengaruhi oleh lagu-lagu joget era 50-an seperti lagu serampang laut, lagu anak dagang, sayang Sarawak, lela majnun dan sebagainya dalam muzik joget yang kini terdapat juga dalam gendang Melayu Sarawak. Bentuk awal lagu-lagu dalam gendang Melayu Sarawak<sup>18</sup> sebenarnya hanyalah terdiri beberapa jenis sahaja seperti air amboi, selendang mayang, asam paya dan air pasang. Namun apabila bentuk pantun ini telah mengalami transformasi dan perubahan lagu-lagu ini jarang dipersembahkan<sup>19</sup> lagi di khalayak. Selain itu juga oleh kerana persembahan gendang Melayu Sarawak ini tidak lagi dipersembahkan pada majlis kenduri atau keramaian yang lain serta keadaannya kini diadakan pada persembahan majlis-majlis kebudayaan negeri lirik-lirik pantun yang diucapkan oleh seh-seh gendang dalam upacara bermukun telah dipengaruhi oleh pantun-pantun yang berbentuk politik. Sering sahaja apabila ia dipersembahkan pada waktu majlis kebudayaan ini lirik-lirik pantun dalam acara bermukun ini adalah berbentuk memuji para pemimpin negeri serta pantun-pantun yang berbentuk nasihat sahaja.

## **Tata ruang Bergendang**

Budaya bergendang pada zaman dahulu ( sekitar tahun 60-an hingga 80an ) ia amat menitik beratkan tentang sistem tata ruang dan peraturannya. Setiap gerak laku para penopengnya akan dijaga dan diperhatikan agar tidak bertentangan dengan amalan budaya serta adat masyarakat Melayu. Justeru untuk mengelakkan pencampuran antara lelaki dan perempuan berlaku semasa upacara bergendang diadakan pihak tuan rumah akan membuat persempadanan tempat duduk antara kaum perempuan dengan lelaki dengan merentangkan kain diruang

---

<sup>18</sup> Apabila mengatakan bentuk awal dalam gendang Melayu Sarawak ini ia sering dirujukan pada istilah era gendang Melayu lama.

<sup>19</sup> ibid bab 2.

tamu. Pihak perempuan yang terdiri daripada seh gendang dan beberapa orang dara yang turut serta akan duduk di dalamnya tanpa boleh dilihat oleh pihak lelaki. Manakala pihak lelaki yang juga bertindak sebagai penopeng akan berada di ruang tamu sambil bertandak dan menjual pantun kepada seh gendang. Sekiranya ada di kalangan para penopeng yang cuba untuk masuk atau mengintai kaum perempuan dalam sempadan tersebut secara automatiknya dia akan disuruh keluar dari rumah tersebut dan tidak dibenarkan untuk meneruskan tandaknya. Manakala di kalangan pihak perempuan pula mereka tidak akan dibenarkan keluar dari tempat duduk mereka sewenangnya.

Namun zaman telah merubah segalanya. Upacara bergendang yang dilangsungkan pada zaman sekarang telah menghilangkan segala-galanya sistem tata ruang yang pernah wujud pada waktu dahulu. Kini kebanyakan persembahan gendang Melayu yang dilangsungkan tidak lagi merentangkan kain seperti dahulunya yang hanya membenarkan ruang pandang 25 sm antara pihak lelaki dan perempuan. Para penopeng dan seh gendang tidak lagi diasingkan malah budaya bergendang kini dibuat secara terbuka dan membiarkan antara pihak perempuan dengan lelaki duduk bersama. Mungkin juga kerana upacara bergendang waktu ini bukan lagi diadakan sewaktu majlis kenduri ataupun keramaian seperti dahulunya namun aspek-aspek seperti yang pernah dilakukan dahulunya harus dilakukan serta dipertahankan semula agar budaya seperti ini dapat dipertahankan serta menjadi lambang kepada budaya masyarakat Melayu Sarawak yang penuh dengan kesopanan yang dicernakan oleh aspirasi pemikiran masyarakat Melayunya. Perubahan atau transformasi yang berlaku dalam upacara bergendang ini dapat disimpulkan seperti dalam rajah berikut :

### Perubahan budaya dalam gendang Melayu Sarawak

Elemen utama	Faktor Penyebab	Bentuk Asal	Transformasi budaya
Rentak Tandak	Penambahan alat muzik dalam upacara gendang itu sendiri seperti pada alat muzik biola menjadikan rentak muzik gendang Melayu Sarawak ini menjadi laju dan rancak	Gerak Tandaknya lebih lambat dan lembut bersesuaian dengan pukulan gendang yang dimainkan oleh seh gendang.	Menyebabkan bentuk tandaknya semakin rancak sehingga menerbitkan tandak berbentuk sasi dan lebih mirip kepada tarian joget.
Alat Muzik	Telah dipengaruhi oleh perkembangan muzik di Malaya pada waktu itu khususnya pada kehadiran muzik-muzik Portugal dan Spain di Melaka.	Hanya dua buah gendang sahaja digunakan tanpa ada elemen-elemen peralatan muzik lain.	Sebagai penyesuaian kepada faktor penyebab tadi maka ia telah di tambah dengan alat muzik seperti biola dan akordion. Namun akordion jarang sekali digunakan bersama gendang dan biola. Penyesuaian alat muzik ini disebabkan gendang Melayu Sarawak ini telah banyak menerima pengaruh muzik lain seperti joget dan branyo
Bentuk Pantun / lagu	Sebagai penyesuaian kepada alat muzik dan struktur bunyi muzik	Bentuk lagu diawalnya merupakan lagu asli gendang Melayu Sarawak yang menyamai rentak zapin seperti lagu air amboi dan indung anak.	Menerima unsur-unsur lagu joget dan muzik Branyo di Melaka yang terkenal dengan lagu <i>Jingkly Nona</i> . Yang berbentuk strofik. Setiap rangkap dinyanyikan dengan melodi yang sama. Teks setiap rangkap terdiri daripada satu rangkap pantun ( pembayang atau maksud ) atau seloka ( empat baris dengan konsep yang sama ) skema rima aaaa atau abab dihasilkan. Setiap rangkap lagu dibahagiakan kepada dua bahagian. Bahagian A dikaitkan dengan pembayang pantun dan bahagian B dengan maksud pantun. Biasanya terdapat bahagian tambahan ( C ) atau koda instrumental yang panjang mengiringi tarian. Lagu-lagu seperti Serampang Laut, Lela Majnun, Cinta Berahi.

Sistem ruang	Tata	Keadaan semasa	Di adakan di rumah di beranda, di ruang tamu sahaja. Sebagai upacara untuk meraikan sesuatu majlis. Sistem tata ruangnya lebih tertib dan teratur kedudukannya.	Sering kali dijadikan sebagai upacara kebudayaan di peringkat bahagian atau negeri dan ia juga kerap di adakan sebagai upacara pertandingan. Keadaan ini menyebabkan sistem tata ruang persembahannya tidak teratur dan dibuat ala kadar sahaja seperti yang selalunya di buat di pentas yang lebih mementingkan bunyi muzik dan jarang menitikberatkan soal tata ruang.
--------------	------	----------------	---	--

Selain itu perubahan yang berlaku terhadap beberapa elemen dalam gendang Melayu Sarawak ini juga di sebabkan oleh faktor migrasi penduduk setempat. Contoh transformasi yang saya maksudkan pada persembahan gendang Melayu ini di sekitar bahagian Kuching. Misalnya kebanyakan para pengamal budaya bergendang ini adalah majoritinya berasal dari bahagian Samarahan, Asajaya, Sadong Jaya dan Simunjan. Oleh kerana disebabkan oleh beberapa faktor seperti akulturasi budaya ia telah mendorong mereka untuk berpindah ke Kuching dan ada juga yang terus menetap di situ. Kehadiran mereka di sesuatu tempat yang baru ini akhirnya juga membawa bersama budaya tempat asal mereka seperti amalan bergendang ini. Hal sebegini juga telah menyebabkan beberapa unsur tradisi dalam gendang Melayu Sarawak telah mengalami perubahan mengikut kesesuaian keadaan tempat baru mereka. Namun perubahan yang paling ketara dalam aspek ini ialah pada upacara bermukun khususnya pada penggunaan perkataan dan ungkapan pantun mereka .

Upacara bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak yang menjadi dasar kepada kajian ini masih dipersembahkan serta merupakan contoh budaya yang dapat beridentitikan sebagai milik masyarakat Melayu Sarawak. Walaupun budaya bergendang ini dari segi pelaksanaan dan persembahan telah diasimilasikan dalam budaya masyarakat lain khususnya acara bermukun namun aspek-aspek asas dalam upacara tersebut masih mewarisi budaya Melayu Sarawak. Ini kerana upacara bergendang ini serta konduksi struktur muzikalnya

masih lagi mencerminkan nilai budaya Masyarakat Melayu. Selain itu perkaitan antara elemen-elemen dasar yang mendukung pada setiap budaya ini juga sebenarnya mengandungi nilai-nilai kemurnian dalam konteks epistemologi budaya Melayunya yang sering sahaja berpaut dengan hukum dan adat Melayu yang dilorongkan kepada kerangka budaya Islam. Ini kerana upacara bergendang ini serta konduksi struktur muzikalnya tidak digolongkan dalam muzik sensual yakni rentak muziknya tidaklah keterlaluan kerana elemen alat muziknya masih lagi mengekalkan ciri-ciri muzik tradisi.

Namun demikian dari aspek-aspek lain terutamanya pada pelaksana dan persembahannya khususnya dari pembatasan sistem tata ruang antara perempuan dan lelaki keadaan ini masih boleh dipertikaikan kerana kebanyakan pengamal dan pendukung budaya ini tidak lagi serius untuk mengekalkan nilai tradisi masyarakat Melayu malah ia sering dibuat semadi nadai ajak . Hal sebeginilah yang seharusnya dipertikaikan. Berhubung hal ini An-Nablusi berpendapat :

“...Haramnya seni hiburan muzik dan nyaian itu tidak pada ainnya tetapi kemaksiatan yang menumpangnya..”

Faktor-faktor sebeginilah yang akhirnya telah dieksploitasi apabila ada pihak yang berusaha dengan mengambil jalan pintas apabila memasukkan unsur-unsur moden secara keterlaluan untuk penyesuaian zaman sehingga mengetepikan dan merobek prinsip asal budaya ini. Segala apa yang berlaku dalam budaya bergendang ini juga berupaya untuk menerangkan pelbagai aspek hubungan serta kaitannya dalam aktiviti sosial sesuatu masyarakat pengamalnya. Dari pada kenyataan ini dapat disimpulkan bahawa:

- Budaya bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak walaupun pada dasarnya masih mampu bertahan dan diamalkan namun ia bukanlah lagi suatu budaya yang asli kerana kebanyakan majlis-majlis bergendang yang diadakan adalah bertujuan untuk persembahan kebudayaan sahaja. Namun yang paling ketara ialah budaya bergendang di kalangan masyarakat Melayu ini telah dijadikan sebagai satu majlis pertandingan dan tidak lagi dibuat untuk majlis-majlis kenduri atau upacara tradisi lain yang menjadi asas kepada kelahiran budaya ini pada peringkat awal kewujudannya.
- Kebanyakan pengamal budaya bergendang yang ada sekarang terdiri daripada golongan yang berusia 45 tahun ke atas dan amat sukar untuk

diperturunkan di kalangan generasi muda untuk turut serta dalam sesuatu persembahan. Justeru itulah kebanyakan kemahiran yang ada pada golongan yang berusia ini tidak mampu dipelajari serta disusun secara teratur dan bersistematik .

- Dari aspek muzik dan persembahannya pula budaya dalam persembahan gendang Melayu Sarawak ini telah banyak menerima pengaruh daripada elemen muzik-muzik moden serta menjadikan struktur muziknya berbentuk senkretik dan bercampur baur. Kadangkala pencampuran ini menyebabkan muziknya menjadi sumbang dan tidak teratur malah ia sering dikritik dan tidak dapat diterima oleh golongan tua. Walaupun usaha ini adalah satu perkembangan yang positif sebagai satu tuntutan teori transformasi tapi seharusnya ia dilakukan secara teratur agar ia dapat diterima oleh semua pihak. Dari aspek persembahan khususnya pada aspek tandaknya juga didapati bahawa ia juga telah banyak menerima pengaruh tarian-tarian moden yang begitu rancak dan kadangkalanya ke lihatan sumbang apabila bertembung dengan tarian tradisi dalam upacara bergendang ini.

Selain itu pengkajian dari aspek bermukun pula khususnya meneliti unsur pantunnya juga bermakna khususnya untuk mengetahui dan menyelami makna tujuan pengucapan pantun tersebut. Di samping itu juga usaha ke arah mengangkat budaya tradisi masyarakat bumiputera di Sarawak seharusnya diperbanyakkan agar perolehan kajian itu akan dapat membantu pengkaji seterusnya untuk membuat kajian mereka dari pelbagai aspek dan sudut yang lain.

## **Kesimpulan**

Daripada perbincangan di atas penulis cuba mengetengahkan beberapa saranan berhubung dengan budaya bergendang ini agar ia mampu dilestarikan untuk tujuan pemeraksanaan budaya-nya pada masa hadapan :

- 1 ) Memandangkan upacara bergendang ini telah diterima dalam budaya masyarakat Sarawak secara umum maka ia seharusnya dijadikan sebagai identiti kebudayaan masyarakat Melayu Sarawak seperti yang sering ditonjolkan oleh



budaya masyarakat Iban iaitu dengan tarian ngajat-nya serta muzik *sape* oleh Orang Ulu. Ini kerana sekiranya elemen seni dan kebudayaan yang pada masyarakat Melayu di Semenanjung dari dulu hingga sekarang mampu untuk beridentitikan sebagai sesuatu budaya masyarakatnya seperti Dikir Barat ( Kelantan ), Kuda Kepang ( Johor ), Nobat ( Perak ), Mek Mulung serta Gendang Keling ( Kedah ), Jikey ( Perlis ) dan sebagainya, maka seharusnya jugalah Gendang Melayu Sarawak ini ditonjolkan sedemikian rupa. Ini kerana dalam budaya bergendang ini ia banyak mengandungi unsur-unsur falsafah dan nilai kebaikan pada masyarakat.

2 ) Justeru itu sebagai langkah untuk menyelamatkan warisan ini daripada terkubur dan terbiar sahaja maka ia seharusnya diberikan perhatian dengan memberikan pertimbangan khusus kepada beberapa aspek utama khususnya pada alat muzik terasnya serta amalan permainannya. Sehubungan itu juga program pendokumentasian harus diperbanyakkan yang seharusnya merangkumi bahan penggunaan, peralatan, teknik pembuatan, falsafahnya serta perbandingan dengan bahan-bahan yang lain. Pendokumentasian terhadap budaya bergendang ini seharusnya dijalankan di seluruh wilayah pengamal budaya ini sama ada berbentuk bertulis, lisan, video, filem, foto dan sebagainya.

3 ) Selain itu juga pameran, seminar atau bengkel untuk mengetengahkan budaya ini kepada masyarakat umum harus diperbanyakkan. Bantuan secara *patronage* dari pihak yang berkaitan sama ada kerajaan, badan berkanun atau orang perseorangan dengan budaya ini khususnya yang berbentuk teknikal dan kewangan. Bantuan haruslah juga merangkumi pada aspek latihan kepada kumpulan-kumpulan dan individu yang berkemahiran dalam budaya gendang Melayu Sarawak ini bagi memastikan golongan ini terus hidup dan membentuk pewaris-pewaris yang baru pada masa akan datang.

## **Bibliografi**

- Abang Yusuf bin Abang Putih. 1966. *Some aspects of the marriage custome among the Sarawak Malays*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adoardo Beccari. 1986. *Wandering in the great forest of Borneo*. New York: Oxford University Press.
- Adorno, Theodor W. 1976. *Introduction to the sosiology of music*. New York: The Seabury Press.
- Aziz Deraman. 1976. *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia : Satu pengenalan latar belakang dan sejarah ringkas*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia
- Bruno Nettl, ed. Eight. 1978. *Urban musical cultures : Tradition and change*. University of Illinois Press.
- Charles Capwell. 1989. *Excursion in world music*. London.
- Chin, Lucas. 1987. *Culture heritage of Sarawak*. Kuching. Sarawak Museum.
- Ghulam Shawar Yousof. 1976. *The Kelantan mak yong dance theatre : A study of perfomance structure*. Disertasi Kedokteran. Honululu Hawaii ( USA ): University of Hawaii.
- G.W Locher. 1978. *Tranformation and tradition*. UK: University of London.
- Hanapi Dollah. 2000. *Budaya sebagai pemerian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasmy H. A. 1991. *Konsep seni dalam Islam*. Sari . Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 43-53.
- Hedda Morrison. 1957. *Sarawak*. London: The Macmiller Press Ltd.
- Helen Myers. 1992. *Ethnomusicology an introduction* . UK: The Macmiller Press. British cataloging in publicition data.

- Ibrahim Ismail dan Ghani Shamsudin. 1992. *Konsep seni dalam Islam*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Ismail R. Al Faruqi & Lamy Al-Faruqi. 1998. *Atlas budaya Islam*. Terj Mohd Ridzuan Othman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- J. Kunst. 1960. *Musicology: a study of the nature of ethno-musicology, its problem, methods and representative personalities*. Amsterdam.
- Kaufman Shelemay. 1992. *Ethnomusicology : History, definition and scope*. New York & London: Gaerland Publshing Inc.
- King, V. 1972. Additional notes on the malohs and related people of Kalimantan Value of dutch ethnography. Sarawak Museum
- Kris Jitab & James Ritche. 1990. *Politik Pembangunan Taib Mahmud*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Ku Zam Zam Ku Idris. 1987. *Alat-alat muzik dalam esembel wayang kulit, mek mulung dan gendang Keling di Kedah Utara*. Dlm Mohd Taib Osman & Wan Kadir Yusoff ( pnyt ). *Kajian budaya dan masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Margerat J. Kartomi. 1989. *On consept and classifications of musical instruments*. Monash University.
- Mohd Ghouse Nasruddin. 1989. *Muzik Melayu tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff. 1987. *Kajian budaya dan masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman ( pngr ) . 1989. *Masyarakat Melayu : Struktur dan organisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mustapha Nik Mohd Salleh. 1989. *Alat muzik tradisional dalam masyarakat Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. 2000. *Alat muzik tradisional daya dan bunyi*. Kuala Lumpur.
- Pringle Robert. 1970. *Rajah and rebel*, Ithaca. Cornel University Press.

Robson Rachel. 1995. *Gendang Melayu Sarawak: A pantun exchange of the Sarawak Malay community*. Tesis M.A. Murdoch University , Perth Australia.

Sachs, Curt 1962. *The wellsprings of music*. New York: Da Capo Press Ltd.

Sidi Gazalba. 1977. *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Takari Muhammad. 1994. *Analisis struktur muzik dalam etnomuzikologi*. Medan: Universitas Sumatera Utara Press.

Patricia Matusky. 1980. *Music in the Malay shadow puppet theater*. Disertasi Kedokteran. Michigan ( USA ): University of Michigan.

Waed A.B. 1966. *Rajah servant*. Ithaca. Cornell University.

Winsted Richard. 1969. *A history classical Malay literature*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.

#### **DOKUMEN AWAM**

Edric Ong Liang Bin. 1983. *Malay House of Kuching, Sarawak*. The Sarawak Museum Journal. Vol XXII. Ogos.

*Ensklopedia Musik Indonesia seri A-E*. 1980. Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Pusat Penelitian Sejarah dan Budaya. Jakarta.

Maimunah Haji Daud. 1993. *Bergendang a popular form of entertainment among the Sarawak Malays*. Sarawak Gazette. September 1993. hlm 22-26.

Mohd Nor-Hel. 1935 . *Is “ Gendang Tanda “ an entertainment ?* . Sarawak Gazette. December 1935. hlm 223.

## **Lampiran 1**

**Glosari Aran** : rangka gendang.

**Berambah:** bermalam ( tidur di rumah orang ).

**Bermukun:** berpantun ( perkataan ini hanya digunakan dalam konteks budaya bergendang sahaja ).

**Bengkung:** lingkaran yang terletak pada gendang

**Bertandak:** menari ( imbuhan ber : perlakuan yang sedang dibuat ) kata dasar ialah tandak yang bermaksud bentuk tarian.

**Bile:** kayu yang telah dipotong berukuran satu kaki panjang untuk membuat gendang.

**Diengkah:** diletakkan ( imbuhan- di kata dasar ialah engkah )

**Dipun:** dipangkal

**Enda' :** tidak

**Kamek :** saya ( digunakan sebagai kata ganti diri pertama apabila bercakap dengan orang yang dihormat ) sering juga digunakan untuk kata ganti diri ketiga.

**Kitak :** Awak ( digunakan sebagai kata ganti diri kedua apabila bercakap dengan orang yang lebih dihormat atau baru dikenali )

**Lantoh:** hanyir

**Menampas:** membentuk

**Menerit :** menegang ikatan.

**Mengetus:** mengeringkan

**Mengare:** berselerak

**Menungkang:** membuat sokongan dengan cara meletakkan kayu tambahan pada tiang-tiang rumah.

**Ngantar:** menghantar orang

**Nyeruk :** menjemput orang ( penggunaannya merujuk kepada menjemput ke majlis-majlis keramaian seperti kenduri ).

**Suit-suit:** alang rumah

**Seh :** perempuan yang bertindak sebagai ketua dalam persembahan gendang Melayu Sarawak. Selain itu beliau juga merupakan pemantun utama dalam acara bermukun.

**Tebik :** retak

**Tukuk:** memukul ( pukul )

**Ugak:** ranting kayu : penggunaannya merujuk kepada kayu yang terdapat di dalam sungai









